

CIKGU AZMI

INILAH PERJUANGANKU



**MENONGKAH ARUS
MENERJAH HALANGAN**



Kelas dari

Azmi
7/12/21

Foc



INILAH PERJUANGANKU

Menongkah Arus, Menerjah Halangan

Tokoh
Maulidur
Rasul
Kebangsaan
2019

GIKGU AZMI

PUSTAKA PERDANA



1013181



Diterbitkan Oleh:



Casamas Resources Sdn Bhd

Inilah Perjuanganku: Menongkah Arus, Menerjah Halangan

ini adalah tulisan Cikgu Azmi Bin Hamid

Tel : 019-271 6478 / 019-474 4856

Email: azmiabdulhamid58@gmail.com

© Cikgu Azmi Bin Hamid, 2021

Cetakan Pertama: 2021

ISBN: 978-967-2446-29-3

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, ataupun cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penulis.

Foto:

Facebook: Cikgu Azmi &

Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM)

Dicetak Oleh:

Mashi Publication Sdn. Bhd

297.272
MAA



KANDUNGAN

Awal Kalam	1
Monolog	6
Bab 1: Laisa Minna	34
Bab 2: Debat: Pembangunan Yang Salah	39
Bab 3: Isu Dunia Yang Lebih Besar & Mencabar	45
Bab 4: Mereka Tidak Peduli Nasib Rakyat Terlantar	52
Bab 5: Membangun Dengan Kalimah Toyyibah	58
Bab 6: Pembaziran Itu Jenayah	65
Bab 7: Kenapa Kita Berkrisis Dengan Alam?	72
Bab 8: Inilah Jalanku Dan Perjuanganku	82
Bab 9: Garis Besar Bina Ummah, Pedoman Untuk Aktivis Islam	105
Bab 10: Erti Negara Yang Rosak	129
Bab 11: Bila Umat Dikhianati	138
Bab 12: Politik, Politikus, Negara Dan Umat	147
Bab 13: Balak, Ekonomi Dan Khalifah Alam	166
Bab 14: Mengenai Pemimpin Dan Kepimpinan	180
Bab 15: Politik Dan Vaksin Covid 19	192
Bab 16: Islam Dan Urus Tadbir Malaysia	197
Bab 17: Hijrah Bangsa	210
Bab 18: Antara Kepimpinan & Kepedulian Rakyat Mencari Pemimpin Sejati	221
Bab 19: Hala Tuju Kepimpinan Politik Melayu Abad-21	243
Bab 20: Melayu Dalam Krisis?	253
Bab 21: Masalah Sosio-Budaya & Pendidikan Melayu	270
Bab 22: Halatuju Melayu Islam dan Penyelesaiannya	289
Kenali Penulis	327
Rumahnya Di Desa, Pentasnya Seantero Dunia	329


*"Untuk isteri, anak-anak dan keluargaku.
Juga teman-teman seperjuangan dan
murid-muridku."*





AWAL KALAM

INILAH PERJUANGANKU



Segala puji hanya buat Allah Rabbul Jalil. Keagungan dan Kebesarannya yang menjadikan dan menetapkan segala aturan alam. Yang menerunkan Addin yang mengatur hidup insan. Yang memberi Hidayah kepada siapa yang Ia kehendakki.

Selawat dan salam kepada Rasulullah s.a.w. dan seluruh ahli keluarga Baginda serta para sahabat Baginda yang menjadi contoh tauladan. Penghulu segala Nabi. Membawa Rahmat ke seluruh alam. Yang memimpin dan mendidik umat untuk mencapai ciri Khairo ummah.

Menjadi insan bermanfaat adalah watak yang disebut **“khair insan”**. Mengumpulkan insan khair yang sejiwa dan sepemikiran untuk menggerakkan islah ummah adalah satu cabaran. Menggerakkan mereka dalam suatu acuan berwadah dan bertanzim lebih besar cabarannya. Demikian tergerak buku ini dihasilkan. Mungkin menulis dianggap sebahagian orang tidak terlalu bermakna berbanding terjun ke lapangan. Namun menulis suatu idealisme dan merongkaikan permasalahan umat manusia jauh lebih sukar kerana memerlukan keupayaan berfikiran keras untuk merakamkan analisa dan mencatat jalan keluar dalam zaman yang sangat beragam juga tidak mudah.

Dalam sebuah masyarakat, mencari kelompok pemikir dan pelaku bukan lazim ditemui. Kerana kerja minda dan kerja amal kerap kali sukar dicantumkan. Dengan sebab itu buku ini



merakamkan suatu perjalanan. Perjalanan dalam dunia yang serba rencam kemelutnya. Dunia sedang berada dipersimpangan jalan. Penduduk dunia yang semakin pantas berubah dengan asakkan global yang tidak mengenal sempadan. Lalu usaha untuk merongkai kemelut yang berlaku tidak seharusnya bersifat uni-dimensi. Kerja mengislah masyarakat tidak mungkin berhasil dengan pendekatan terpisah-pisah.

Sebagaimana dunia berfungsi secara interaktif, demikian merongkai masalah yang sedang bergelut perlu bersifat serba berkait. Perjalanan hidup mengambil cakna kepada apa yang sedang berlaku inilah yang menyebabkan perjuangan ini tidak bernokhtah. Buku ini mendedahkan suatu citra mengangkat pelbagai isu umat dan seluruh manusia.

Permasalahan dari berbagai sudut yang dijalani semada dari pengamatan langsung di lapangan mahupun perbahasan dan pelbagai wacana, memerlukan setiap aktivis sosial siap mengasah minda untuk berdialog dan sanggup berhujah. Cabaran yang dialami dalam kembara ini memerlukan kecerdasan berfikir. Kekuatan intelektual aras tiinggi menjadi syarat penting jika seorang aktivis masyarakat mahu mengengahkan perubahan.

Bermakna kesediaan belajar (**learning**) dan belajar semula (**relearning**) perlu siap dijalani oleh seorang aktivis. Sebab itu arus perdana sering menjadi alasan untuk para aktivis tidak sanggup mengusulkan perubahan mendasar. Cabaran terbesar ialah apabila perubahan yang didambakan itu sendiri bertembung dengan kepentingan peribadi. Sering berlaku hidup seorang aktivis terpaksa mengadai prinsip justeru tidak sanggup berdepan dengan risiko.



Dunia bergolak dalam saat mereka yang mengatasnamakan rakyat sanggup mengeneipkan prinsip hanya kerana mahu terus menikmati keselesaan hidup ditampuk kuasa. Rakyat hanya dibicarakan. Retorik rakyat menjadi berleluasa. Hakikatnya rakyat marhein berada ditakuk lama. Segelintir yang mewah dan serba ada hanya melihat rakyat miskin sebagai medan untuk berkebajikan. Kebajikan sekadar untuk diperagakan.

Perhatian serius untuk merongkai sistem yang menyebabkan rakyat terbanyak terus sengsara, tidak mahu dirongkai. Maka situasi jurang antara kaya-miskin terus melebar. Gejala kais pagi makan pagi menjadi senario rakyat dibawah. Ketidakadilan alias kezaliman menjadi arus global. Lantaran itu perubahan perlu diluncurkan. Bukan sebarang perubahan. Akan tetapi Islah besar yang memerlukan anjakan skala besar. Krisis umat kini bukan bersifat serpihan lagi.

Ia telah menjadi sistemik dan berangkaian. Apa yang perlu diusahakan bukan lagi perubahan tempelan. Dari atas ke bawah. Dari bawah ke atas. Yang perlu digerakkan ialah perubahan total bersifat ketamadunan (**civilizational**).

Perjuanganku menongkah arus kerana arus yang kini berjalan telah terkeluar dari sibghah (acuan). Aku tidak lagi menjadi subjek kepada arus global akan tetapi menjadi pencorak yang melakar arus yang harus diperdanakan dipentas umat dan kemanusiaan.

MOHD AZMI ABDUL HAMID

20 Ramadhan 1442 H / 2 Mei 2021 M

Shah Alam





**“Hal-hal yang baik datang
untuk mereka yang menunggu.
Tapi hal yang lebih baik
lagi datang kepada mereka
yang bergerak untuk
mendapatkannya.”**





MONOLOG



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



HALATUJU MASYARAKAT ISLAM MASA KINI DAN PENYELESAIANNYA

“Dan Kami tidak mengutuskan seseorang Rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya ia menjelaskan (hukum-hukum Allah) kepada mereka. Maka Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya), juga memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya); dan Dia lah jua Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.” Surah Ibrahim ayat 4:



Meneliti dengan halus kedudukan bangsa Melayu seolah-olah semakin menggambarkan satu kaum yang sedang menderita sakit barah dan menunggu saat mat. Mungkin kenyataan ini keterlaluan, namun kita ingin jujur dan tidak berselindung. Walaupun berulang kali disahkan bahawa sudah ada pencapaian yang boleh dibanggakan namun yang nyata pada tubuh badan bangsa Melayu itu dipenuhi kudis-kudis yang masih belum boleh dirawati sehingga hari ini. Mungkin yang tinggal hanyalah beberapa bahagian dari tubuh itu yang masih tidak berkesan dengan kudis yang kian merebak.

Demikianlah kita merenung dengan mendalam nasib bangsa Melayu ini. Pada keseluruhannya tubuh manusia Melayu itu



semacam tidak terdaya untuk pulih, kerana sakit kudis yang terus berulang. Sering juga ia terus berpenyakit kerana diagnosis yang salah dan rawatan yang silap. Lain yang sakit lain pula yang diubati. Kita mengutarakan anologi ini kerana jika tidak ada proses pemulihan segera, survival bangsa Melayu ini pasti akan tamat usianya.

Sebagai permulaan mahu tidak mahu yang perlu segera dilakukan ialah memperbetulkan semula pemikiran dan nilai hidup orang Melayu. Bangsa yang sedang menunjukkan tanda-tanda merenggang dari pegangan hidup Islam yang selama ini menjadi tunjang kekuatannya. Melayu yang sudah melahirkan generasi muda yang hilang jati diri. Melayu yang lupa akan budaya dan tamadunya selain hanya saki baki peninggalan datuk moyangnya yang bersifat kosmetik untuk kajian para ahli antropologi. Melayu muda yang hilang akar budaya dan pengkalan hidupnya sebagai insan Muslim. Melayu yang sudah tidak lagi menghargai perjuangan bahasa dan tanah airnya sendiri.

Sesungguhnya telah berlaku kerosakan manusia Melayu itu dari dalam dan luar dirinya. Cara berfikir dan nilai dirinya sekaligus semakin bercelaru. Tidak dapat dinafikan ketahanan diri Melayu semakin runtuh dan seolah-olah benteng agamanya sedang lera sama sekali.

Bukanlah maksud kita untuk menafikan wujudnya pencapaian dan peningkatan sejak bangsa ini dikatakan mencapai kemerdekaan dari penjajah. Namun dengan berkembangnya krisis sosio-budaya, pemikiran, dan sosio-politik yang sangat meruncing ternyata tidak dapat diketepikan bahawa manusia Melayu itu perlu pemulihan yang menyeluruh.



Apa yang dapat diperhatikan ialah berlaku suatu keruntuhan yang tidak dapat diselindung lagi. Bagaikan asas-asas budaya Melayu yang memegang tapak bangunan bangsa sudah lemah mengakibatkan lapisan atas berbentuk manifestasi hidup seharian bangsa itu menunggu masa untuk runtuh persis fenomena tanah runtuh yang berlaku dimana-mana.

Bukan sahaja soal akhlaqnya yang telah luntur malah terdapat juga kelunturan dalam jati diri masyarakat Melayu itu sendiri. Untuk sesiapa yang masih menyatakan bahawa jati diri bangsa ini tetap utuh dan ketahanan dirinya masih kuat hanya membohongi diri sendiri.

Menginsafi dan meneliti realiti kemelut bangsa

Apakah sebenarnya realiti bangsa Melayu ini? Terdapat wajah yang serba kontradiktori. Sementara Melayu dikatakan sinonim dengan Islam namun berlaku juga perilaku Melayu yang amat berlawanan dengan sifat Islam itu sendiri. Pada satu masa kita nampak mewarisi kesopanan dan kehalusan budi akan tetapi disatu masa yang lain pula kita juga dijangkiti budaya biadab dan liar.

Kita sering dikenali sebagai bangsa bermoral dan sensitif pada agama namun dalam masa yang sama kita juga sarat dengan kejelekan nilai dan kehodohan perilaku yang bersifat anti-agama. Pada suatu ketika dahulu kita berbangga dengan sifat Melayu yang eksploratif dan berciri kepenerokaan namun kini kita juga menjadi bangsa yang terperangkap dengan budaya ciplak dan meniru.



Sepintas lalu kita ingin mencatat secara ringkas beberapa penyakit yang sedang menimpa umat Melayu. Pembedahan untuk mencari punca penyakit perlu selanjutnya dilakukan oleh setiap tenaga penggerak yang komited untuk memulih masyarakat Melayu.

Kerapuhan Institusi Keluarga

Kita bermula dari institusi keluarga Melayu. Kita meneliti bahawa kadar perceraian dan keruntuhan keluarga semakin ketara. Di beberapa negeri telah dicatat ribuan kes perceraian setahun yang menunjukkan kadar yang meningkat dalam rekod Jabatan Agama. Walaupun kursus pra perkahwinan menjadi syarat untuk melanjutkan alam rumahtangga sejak beberapa tahun yang lalu namun kes-kes talaq terus meningkat.

Kita juga mengamati betapa pemuliharaan rumahtangga orang Melayu kini amat rapuh dengan pengaruh luar yang sering merosakkan anak-anak Melayu yang berleluasa di mana-mana. Dengan demikian kes-kes mendera, sumbang mahram, lari dari rumah adalah antara wajah institusi keluarga Melayu yang ada di saat ini.

Zuriat Melayu Yang Sedang Digugat

Kerosakan anak muda Melayu kini juga merebak dan sudah sampai ke peringkat sangat mencemaskan. Sudah menjadi maklumat biasa untuk meneliti berita mengenai golongan remaja dan belia Melayu yang terlibat dengan pelbagai kerosakan sosial.

Dadah, arak, judi, zina, pornografi, hiburan liar, gangsterism, ponteng sekolah, buang bayi, jenayah berat (rogol, merompak, bunuh, sindiket haram) kes-kes juvenil, lepak, bohsia, lumba



haram, merokok, pelacuran adalah antara kemungkaran sosial yang sedang merebak bukan sahaja di kota malah juga di desa.

Generasi kedua FELDA yang 100% Melayu sering diungkap sebagai golongan yang banyak terbabit dengan dadah. Gelagat remaja dan belia di kota-kota besar yang dipenuhi dengan pusat-pusat membeli-belah, pusat hiburan dan kawasan rekreasi menunjukkan sifat malu dan bersantun di kalangan anak muda Melayu hampir pupus sama sekali. Dari gaya bergaul, berpakaian, berbahasa, berjalan berpasangan sehinggalah bersantai, golongan belia Melayu mempamirkan gelagat yang sudah hilang hampir semua ciri-ciri ketimuran, kemelayuan, apatah lagi keIslaman. Jelas skandal Melayu dikalangan generasi muda amat ketara bagaikan sebuah bangunan yang nampak indah di luar akan tetapi rosak dan busuk di dalam.

Kerosakan Bangsa Yang Merentas Umur

Menyentuh persoalan generasi muda Melayu yang sarat dengan pelbagai kepincangan sosial tidak pula mengeneipkan gejala yang sama jelek malah lebih hodoh berlaku dikalangan Melayu dewasa dan tua. Bukan lagi suatu kejutan membaca berita kes-kes anak dirogol bapa dan datuk, orang tua memperkosa gadis sunti, Melayu tua bersekudukan diluar nikah, orang tua Melayu mengunjungi sarang pelacuran dan ditangkap kerana tidak berpuasa, minum arak serta berjudi. Kes orang dewasa Melayu yang terlibat dengan dadah dan kini menjuarai pula pengidap HIV dan AIDS di negara ini bukan sedikit. Pokoknya kebejatan sosial di kalangan orang Melayu merentas hampir semua peringkat umur.



Ekonomi Bangsa Yang Masih Menagih

Demikian juga ekonomi orang Melayu terus diselaputi dengan ciri kebergantungan dan sarat dengan masalah salah pengurusan. Dari peniaga kecil sehinggalah korporat gergasi, ekonomi Melayu dilambang oleh ketindaktentuan, sentiasa bergantung kepada perlindungan kerajaan dan hampir semua menghadapi masalah kesuntukan modal. Tatkala pelbagai skim pinjaman dan latihan diwujudkan untuk memberi peluang berekonomi, penyelewengan, salahguna kuasa, kronisme, nepotisme, rasuah membantut hampir seluruh usaha membina ekonomi Melayu.

Dari mesyuarat Lembaga Pengarah sehingga ke Konvensyen Ekonomi Melayu, dari Institusi Latihan Kemahiran sehingga Dewan Perniagaan Melayu termasuk agensi kerajaan yang diswasta dan dikorporatkan, hampir kebanyakannya diselaputi dengan krisis pengurusan. Kini FELDA, RISDA, FELCRA, LUTH adalah antara konglomerat Melayu yang menghadapi pelbagai kemelut penyalahgunaan kuasa dan rasuah.

Aset ekonomi orang Melayu juga didapati sangat kecil. Premis perniagaan yang hanya meliputi sekitar 6% sahaja dari keseluruhan kawasan perniagaan, pemilikan perumahan kos rendah yang masih melambangkan tahap kuasabeli orang Melayu yang terbatas, aset tanah orang Melayu yang semakin mengecil akibat dijual, tergadai atau diambil alih oleh kerajaan atas nama pembangunan, semua ini menambah rumitkan lagi keupayaan ekonomi Melayu.

Ditambah pula peniaga-peniaga kecil Melayu diserata bandar sentiasa terdedah kepada pengusiran akibat pihak kerajaan dan pemaju yang sentiasa mengutamakan pembangunan pusat-pusat



komersial yang berskala mega. Sementara itu ekonomi petani dan nelayan kecil, pekebun kecil getah dan peneroka tanah terus terpinggir. Kemiskinan di desa dan di bandar dipenuhi dengan wajah Melayu **“hidup berkais pagi makan pagi”** bukan suatu fenomena yang sudah berlalu malah terus wujud dan merata.

Kelunturan Dalam Penghayatan Islam

Kita juga meneliti persoalan penghayatan Islam dikalangan orang Melayu yang sangat merunsingkan. Sementara berlaku perkembangan positif di awal tahun 70-an ketika orang Melayu mendapat hembusan angin kencang kebangkitan Islam dari gerakan Islam di Timur Tengah sehingga merentas ke Indonesia, namun tanda-tanda orang Melayu terdedah kepada unsur anti Islam yang masih kuat.

Kini kita dapat merasa dan menyaksikan kelunturan penghayatan Islam masih ramai dikalangan bangsa ini. Secara zahir mungkin dapat disenangi beberapa isyarat seperti wujudnya fenomena wanita menutup aurat, ramai yang berjamaah di masjid dan musolla, ramai ibubapa yang cenderung untuk menghantar anak untuk mengikuti pengajian Islam dan betapa banyaknya masjid dan surau dimana-mana.

Akan tetapi masih terlalu ramai lagi orang Melayu yang hidup dalam dunia dan faham sekular-Barat, mengamal dan terpengaruh dengan budaya hidup yang permissif dari Barat, terbelenggu oleh adat resam dan tradisi sesat pra Islam, terpesona dengan kemodenan dan liberalisme agama mengikut pemikiran Barat. Ditambah lagi yang lebih mencemaskan ialah fenomena orang Melayu terjebak dengan gejala riddah.



Krisis Melayu juga terbelit dengan persoalan politik yang sangat tidak bermoral. Tatkala sebahagian pemimpin-pemimpin politik Melayu terus menjadikan politik itu sebagai tapak mengumpul kekayaan, budaya politik Melayu sarat dengan manipulasi kotor sehingga bangsa Melayu menjadi mangsa kepada politik wang, politik kepentingan diri dan politik mengadai kepentingan Melayu.





Kita juga meneliti masih terlalu ramai orang Melayu yang meninggalkan solat, tidak mengutamakan solat berjamaah di masjid, mencuaikan puasa, lalai dalam mengeluarkan zakat, terlibat dengan ekonomi riba, hidup dalam kemewahan diluar batasan, buta Al-Quran, cetek dalam ilmu Fardhu Ain, mengambil mudah dengan hukum agama, merendah-rendahkan kewajipan menutup aurat, terpengaruh dengan hidup ala Barat jahiliyyah dalam kehidupan sosial.

Hal ini belaku samada dalam majlis perkahwinan, acara harijadi, berpesta, berkonsert, berkarnival, menyambut hari raya, berkongsi raya, ghairah dengan pertunjukan fesyen dan terlibat dengan acara-acara agama lain yang menjejaskan aqidah.

Bahasa dan Budaya Bangsa Tersisih

Tidak kurang kronik ialah proses penyisihan bahasa dan budaya yang melanda bangsa Melayu. Sementara segala usaha sedang digerakkan untuk mempertahankan bahasa Melayu, keghairahan sesetengah pihak untuk mengenengahkan bahasa Inggeris sebagai bahasa perantaraan dalam pendidikan telah memutarbalikkan semula status kedudukan bahasa Melayu ke belakang.

Akibatnya ternyata bangsa Melayu terutama dikalangan golongan muda dan elit (semada golongan birokrat, professional maupun teknokrat dan korporat termasuk ahli politik) yang ghairah mempamirkan bahasa Inggeris dalam perbualan harian. Sekaligus juga dalam acara-acara rasmi seperti dalam mesyuarat dan seminar. Begitulah juga halnya dalam dunia seni, bahasa Inggeris dan bahasa campuran (bahasa rojak) telah menjadi norma. Malangnya dan sangat memalukan tidak ada bangsa lain yang mengamalkan bahasa rojak seperti orang Melayu kini.



Sementara itu penggunaan bahasa Melayu di peringkat sektor swasta, dalam perundangan dan dalam bidang professional sememangnya sudah lama tersisih.

Pun begitu bangsa ini juga berhadapan dengan penghakisan budaya yang sangat ketara. Bukan sahaja budaya berpakaian mengikut resam Melayu semakin menjadi ganjil. Malah budaya harian seperti makan, tabiat dalam bergaul, acara sosial, hiasan tempat tinggal dan tempat kerja semakin menjadikan budaya Melayu jauh terpinggiran.

Isu PPSMI yang semakin bercelaru gagal dirungkai oleh kerajaan walaupun sudah terbukti ianya satu projek yang akan meluntur dan melebur bahasa ibunda kepada generasi akan datang. Ianya juga adalah satu imperialisme bahasa yang amat berbahaya kepada bahasa dan bangsa kita yang sentiasa berpegang kepada kekuatan **'bahasa jiwa bangsa'**.

Pendidikan Bangsa Yang Masih Memerlukan Pengukuhan

Kita juga amat perhatin dengan persoalan pendidikan orang Melayu yang tidak berjaya menghasilkan anak bangsa yang berkualiti terutama dari segi kefahaman dan penghayatan Islam. Bukan sahaja penguasaan ilmu masih tidak boleh dirasa selesai malah kita terpaksa menerima kenyataan betapa masalah disiplin anak-anak Melayu di sekolah terus merunsingkan.

Termasuk dalam masalah ini belum ada tanda-tanda yang meluas wujudnya ibubapa Melayu yang bekerja keras memastikan kecemerlangan dicapai. Kenyataan bahawa ibubapa Melayu yang ramai membiarkan anak-anak berfoya-foya dan melepak dipusat-pusat membeli-belah adalah sangat ketara.



Walaupun sudah ada kesedaran yang bertambah, namun tidak dapat dirasa mencukupi jika dibanding dengan apa yang diusahakan oleh ibubapa dari kaum lain. Dari jumlah yang dapat menjalani pengajian di institusi pengajian tinggi, masih terlalu ramai lagi anak Melayu yang tidak berjaya mencapai tahap pendidikan yang tinggi dan mencapai kecemerlangan yang diharapkan.

Aset Tanah Bangsa Melayu Mengecil

Demikian juga masalah aset tanah orang Melayu yang semakin mengecil. Bukan sahaja tanah Rizab Melayu yang banyak tidak terganti dan terlepas kepada pihak bukan Melayu, ternyata umat Melayu tidak mampu mempertahankan hak milik tanahnya. Ditambah lagi pula masalah orang Melayu tidak dapat menjadikan tanah mereka lebih produktif lantaran kesuntukan modal. Tanah orang Melayu juga sering berhadapan dengan masalah penyelewengan dalam pentadbiran yang menyebabkan tanah Melayu terlepas kepada mereka yang hanya memikirkan keuntungan. Kampung Melayu juga kini semakin terhapus akibat kepesatan pembangunan yang mengambil tanah Melayu dari kawasan desa.

Politik Bangsa Yang Tergugat

Krisis Melayu juga terbelit dengan persoalan politik yang sangat tidak bermoral. Tatkala sebahagian pemimpin-pemimpin politik Melayu terus menjadikan politik itu sebagai tapak mengumpul kekayaan, budaya politik Melayu sarat dengan manipulasi kotor sehingga bangsa Melayu menjadi mangsa kepada politik wang, politik kepentingan diri dan politik mengadai kepentingan Melayu.



Bukan sedikit kes yang memalukan apa kita mengamati gelagat orang Melayu dalam berpolitik yang mengejar pangkat, gelaran, publisiti murahan dan hidup glamor. Sementara politik menjadi sedemikian jijik, bangsa Melayu mengalami fenomena orang politik mengengapikan kepentingan dan hak bangsa hanya kerana ingin meraih undi bukan kerana hak.

Atas nama mempertahankan kuasa politik mereka sanggup menggadai hak Melayu yang menjadi sangat meruncing sekarang ini. Di samping itu kita perlu juga mengungkap beberapa isu semasa yang dapat menghadhirkkan keperihatinan TERAS untuk pengetahuan umum melihat kepada hal-hal terkini yang timbul dewasa ini.

Isu Bahasa

Kami berpendirian bahawa pihak kerajaan jelas tidak konsisten dalam memastikan kemajuan dan pengembangan bahasa Melayu sehingga perubahan polisi bahasa pengantar dalam pendidikan kini telah meminggirkan bahasa Melayu. Kita membantah dan akan terus bersikap kritikal terhadap polisi ini sehingga bahasa Melayu kembali dijadikan bahasa yang mendominasi seluruh aspek pembangunan negara ini. Kami kesal betapa suara para ahli bahasa dari kalangan pemikir dan ilmuan Melayu diketepikan begitu sahaja oleh kerajaan dalam isu ini.

Isu Rasuah

Kita menerima dan mangalu-alukan beberapa tindakan awal yang menunjukkan pihak kerajaan bertindak ke atas beberapa pihak untuk membanteras sindrom rasuah. Namun begitu kita tidak dapat menerima sikap pemimpin negara yang terus



membiarkan penyelewengan dalam penggunaan dana negara secara diskriminatif.

Pelbagai peruntukan negara yang tidak tersalur kepada golongan rakyat yang memerlukan kerap berlaku dan peruntukan yang tersalur kepada perbelanjaan yang membazir tidak dikawal dan terus berlaku. Kita juga berpendirian bahawa pergolakan politik dalaman masih menentukan sikap kerajaan untuk bertindak secara jujur bagi membanteras gejala rasuah. Kita juga berpendapat betapa kemewahan cara hidup kebanyakan pemimpin negara tetap menjadi antara sebab menjalarnya budaya rasuah di negara ini.

Isu Pentadbiran Khidmat Agensi Kerajaan

Kami berpendirian penekanan yang menumpu kepada memperbaiki pentadbiran dan perkhidmatan agensi kerajaan juga dialu-alukan. Akan tetapi kami kesal betapa campurtangan politik tidak diatasi sehingga menyebabkan kakitangan kerajaan sering tidak dapat menjalankan tugas mengikut peraturan yang ditetapkan. Ahli parti politik yang sering menggunakan kuasa untuk menyekat pegawai kerajaan menjalankan tugas kerap berlaku. Sebagai contoh kita kesal bagaimana premis awam diguna sewenangnyanya untuk kegiatan politik parti secara terang-terangan tanpa boleh disekat oleh agensi kerajaan.

Isu Gejala Sosial Dan Jenayah

Kami kesal dengan pendekatan yang diambil oleh pihak pemerintah yang masih tidak memberi perhatian membasmi semua faktor yang menjadi punca kepada membiarkannya gejala sosial dan jenayah yang semakin menjadi-



jadi. Kita berpendapat selagi kerajaan masih mengamalkan polisi **“double standard”** dalam melancarkan langkah membasmi gejala negatif selagi itulah fenomena ini akan berterusan dan berkembang.

Kami juga amat kecewa kenapa pihak kerajaan bersikap sangat liberal ke atas program-program sosial seperti acara pertandingan ratu cantik, pesta hiburan ala Barat, konsert dengan gaya artis yang tidak berakhlak, karnival dan pesta yang menjadi punca semakin liarnya masyarakat muda mengenyepikan budaya dan nilai moral.

Isu Program Khidmat Negara

Kami meneliti program yang kini sedang dilaksanakan sebagai pendekatan kerajaan membentuk generasi muda di negara ini. Sementara ia merupakan suatu usaha yang murni namun kandungan, pendekatan dan orientasi program itu kita persoalkan. Ternyata kerangka program tersebut tidak dilaksanakan dalam konsep dan falsafah Islam sebagai acuan.

Dengan yang demikian orientasi dan corak program itu yang mendedahkan belia kepada gejala tidak sihat akan melahirkan pemikiran yang liberal mengenai agama dikalngan generasi muda. Kita menuntut agar kerajaan menyemak semula kaedah dan isi serta orientasi PKN yang berjalan sekarang. Kami juga kesal dengan perbelanjaan ratusan juta ringgit untuk program Rakan Muda tidak mendatangkan hasil seperti yang digahkan oleh kerajaan. Kami menggesa suatu laporan penuh secara terus dibentangkan di Parlimen untuk dibahaskan



Isu Pengurusan Kewangan Dan Ekonomi Negara

Kami prihatin terhadap beberapa kepincangan pengurusan keawangan negara yang mengakibatkan negara terdedah kepada nilai mata wang yang tidak stabil. Perbincangan mengenai nilai RM yang diikat kepada dolar Amerika sudah menjadi perbincangan yang hangat. Sementara itu beberapa projek yang membazir yang terus menggunakan sumber negara dari wang minyak seperti Litar F1, projek-projek mewah di Langkawi dan penggunaan perbelanjaan awam yang banyak dalam acara pesta yang berlebihan terus tidak diperbetulkan.

Kami juga mengambil perhatian terhadap kebergantungan negara kepada FDI dalam ekonominya. Kita juga amat peka terhadap kegagalan banyak Amanah Saham Negeri-negeri yang rugi dan terpaksa ditanggung oleh rakyat. Disamping itu pula hutang beberapa kerajaan negeri yang membebankan rakyat tidak di atasi.

Isu Pelaksanaan Syariat Yang Tidak Bersungguh

Kami prihatin dengan status pelaksanaan syariat dalam negara ini yang sering tersisih berbanding undang-undang sivil. Malah kuasa mahkamah syariah belum mencapai taraf dan keluasan kuasa yang sepatutnya. Sikap pemerintah untuk mengesampingkan undang-undang syariah jelas menunjukkan sikap yang pemerintah yang tidak mahu Islamisasi undang-undang di negara ini berjalan sepenuhnya. Kami menuntut agar pihak kerajaan keluar dari sindrom takut kepada syariat sebagai undang-undang terbaik untuk mengendalikan pembangunan di negara ini walaupun dalam realiti pelbagai kaum.



Isu Alam Sekitar

Kami turut kesal dengan model pembangunan yang dilaksanakan di negara ini yang tidak mengarah kepada pemuliharaan kualiti alam sekitar. Kita mendapati retorika pembangunan seimbang yang sering diutarakan pihak kerajaan tidak berlaku secara realiti. Pembalakaan, pemecahan bukit, kerosakan sungai, projek empangan terus menjejaskan alam sekitar negara ini. Kami menuntut agar semakin semula semua projek-projek pembangunan dilakukan oleh kerajaan.

Menggerak Pemulihan Kemelut Bangsa-Langkah Dan Penyelesaiannya

Dengan segala persoalan yang hanya dapat dicatat secara umum di atas dan boleh disenarai lagi, namun Kami berpendirian bahawa yang paling mendesak ialah menangani semua isu ini dengan konkrit dan berkesan. Yang lebih penting ialah apa yang hendak kita lakukan untuk memulihkan keadaan yang parah ini

Kita tidak berniat untuk mengulangi ungkapan segala jangkitan penyakit yang sudah menyerap kedalam tubuh badan Melayu yang telah dibicara oleh pelbagai pihak dipelbagai forum. Yang mahu kita gerakan ialah suatu perubahan sikap untuk membawa bangsa Melayu kembali kepada nilai dan budaya hidup Islam yang dinamik demi menyelamatkan keadaan yang sudah semakin parah. Pokoknya kita tidak harus hanya mengamati dan mengeluh. Kita perlu melaksanakan suatu kebangkitan baru bangsa Melayu berteraskan Islam.

Dengan yang demikian kita mengajak seluruh tenaga setiap insan Melayu yang punya keperihatinan yang mendalam terhadap



nasib bangsa ini untuk sama-sama memulih semula kelesuan dan kealpaan yang sedang melanda. Kita ingin mencipta kegemilangan bangsa dan terus melanjut kepada membina generasi mendatang yang lebih berkualiti, yang lebih Islamik.

Kita serius dalam mengajak setiap penggerak perubahan bangsa agar diwujudkan suatu penggemblerangan yang cukup merata sehingga bangsa Melayu ini terangkat dari kemelutnya yang sedang mencengkam dan membeban dirinya.

Suatu gerakan pembebasan bangsa dari krisis dalaman dan juga merawat penyakit yang melingkarinya dari luar harus dilancarkan. Oleh itu suatu kejujuran didambakan untuk semua pihak menerima realiti yang amat meruncing pada bangsa ini.

Kita harus menghentikan gambaran yang mulus-mulus tetapi tidak signifikan, jauh sekali dari menyumbang kepada mengembalikan kegemilangan tamadun Melayu. Kehebatan yang dicanang bahawa Melayu sudah melakukan sesuatu yang luar biasa seperti mendaki gunung Everest, berenang Selat Ingeris, menjelajah ke Kutub Utara, berlayar di lautan Pasifik tidak menggambarkan pencapaian apa-apa selain megah dengan catatan dalam daftar “**Guinness**” atau “**Malaysian Book of Records**”.

Sudah cukuplah kita dianak-anakkan dengan keberanian-keberanian yang dianggapkan luar biasa seperti itu. Kita harus kembali ke dunia realiti iaitu bangsa ini masih tidak terlepas dari ketinggalan dalam ekonomi berbanding kaum lain, kerjaya orang Melayu kebanyakannya masih bertaraf rendah, pencapaian pendidikan masih terus perlu disokong, sosial Melayu dijangkiti pelbagai penyakit yang kronik, aset tanah Melayu sedang mengecil, budaya ilmu dikalangan orang Melayu masih sangat

INILAH PERJUANGANKU


MENONGKAH ARUS MENERJAH HALANGAN

Menjadi insan bermanfaat adalah watak yang disebut "khair insan". Mengumpulkan insan khair yang sejiwa dan sepemikiran untuk menggerakkan islah ummah adalah satu cabaran. Menggerakkan mereka dalam suatu acuan berwadah dan bertanzim lebih besar cabarannya. Menulis suatu idealisme dan merongkaikan permasalahan umat manusia jauh lebih sukar kerana memerlukan keupayaan berfikir keras untuk merakamkan analisa dan mencatat jalan keluar dalam zaman yang sangat beragama juga tidak mudah. Dalam sebuah masyarakat, mencari kelompok pemikir dan pelaku bukan lazim ditemui. Kerana kerja minda dan kerja amal kerap kali sukar dicantumkan. Dengan sebab itu buku ini merakamkan suatu perjalanan. Perjalanan dalam dunia yang serba rencam kemelutnya. Cabaran yang dialami dalam kembara ini memerlukan kecerdasan berfikir. Kekuatan intelektual aras tinggi menjadi syarat penting jika seorang aktivis masyarakat mahu mengenengahkan perubahan. Perjuanganku menongkah arus kerana arus yang kini berjalan telah terkeluar dari sibghah (acuan). Aku tidak lagi menjadi subjek kepada arus global akan tetapi menjadi pencorak yang melakar arus yang harus diperdanakan dipentas umat dan kemanusiaan

**KITA MUNGKIN MEMILIKI AGAMA YANG BERBEZA,
BAHASA YANG BERBEZA, WARNA KULIT YANG
BERBEZA, TETAPI KITA SEMUA ADALAH SATU RAS MANUSIA.
KITA SEMUA MEMILIKI NILAI DASAR YANG SAMA. - KOFI ANNAN
KALAU KEMANUSIAAN TERSINGGUNG, SEMUA ORANG YANG
BERPERASAAN DAN BERFIKIRAN WARAS IKUT TERSINGGUNG,
KECUALI ORANG GILA DAN ORANG YANG BERJIWA
PENJENAYAH, BIARPUN DIA SARJANA.
(AZMI HAMID)**

SEM. MALAYSIA RM30.00
SABAH/SARAWAK RM33.00

ISBN 978-967-2446-29-3



9 789672 446293 >



MEJARQAYYUM



www.casamasresources.my



Terbitan:
CASAMAS RESOURCES SDN. BHD

PERDANA
KEMENTERIAN
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA